UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

HUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR DENGAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR TINGKATAN EMPAT: SATU TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI DESA.

HAMZAH SULAIMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

HUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR DENGAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR TINGKATAN EMPAT: SATU TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI DESA.

HAMZAH SULAIMAN

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

…..…….

20.4.2006

HAMZAH SULAIMAN
20041000166

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdu Lillah, terlebih dahulu pengkaji memanjatkan kesyukuran pada hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia rahmatNya, pengkaji dapat menyempurnakan penulisan projek sarjana bertajuk Hubungan Faktor-Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Empat: Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa. Projek sarjana ini bertujuan memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Perguruan Sultan Idris.

Pengkaji ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood kerana menyelia pengkaji dengan penuh sabar, tekun dan ikhlas sehingga kajian ini lengkap ditulis.

Pengkaji juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah Jabatan Bahasa Melayu dan rakan-rakan seperjuangan di Universiti Perguruan Sultan Idris. Terima kasih juga kepada sesiapa sahaja yang terlibat menyumbang dan menyokong secara langsung atau tidak sehingga pengkaji berjaya menyempurnakan projek sarjana ini.

Akhir kata, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru yang mendidik diri ini, kedua ibu bapa, isteri dan anak-anak kerana sentiasa mendoakan kesejahteraan dan keselamatan pengkaji.

HAMZAH SULAIMAN
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan SultanIdris
Tanjong Malim, Perak.

20 April 2006

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan faktor-faktor dengan penguasaan bahasa Melayu pelajar tingkatan empat. Data kajian diperoleh melalui soal selidik tentang sikap pelajar terhadap bahasa Melayu dan ujian khas bahasa Melayu yang diberikan kepada pelajar. Taburan kekerapan, skor interpretasi min dan ujian t digunakan untuk mengenal pasti tahap pengaruh setiap faktor terhadap penguasaan bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan faktor ras dan sikap pelajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa Melayu pelajar tingkatan empat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ABSRACT

The purpose of this research is to identify the relation between factors and Malays language performance among the form four students. The data were collected through students attitude toward Malays language survey and a special Malays language test that was given to the students. Frequent distribution, mean interpretation score and t-test were used to identify the influences level of the factors over the Malays language performance. Finally the result of the research shows that factors like race and student attitude significantly relate to the Malays language performance among form four students.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

Bab 1 Pendahuluan

1.0 Latar belakang 1

1.1 Permasalahan Kajian 4

1.2 Soalan Kajian 5

1.2.1 Hipotesis Kajian 7

1.3 Objektif Kajian 7

1.4 Batasan Kajian 8

1.5 Definisi Operasional

1.5.1 Pengaruh 8

1.5.2 Sikap 9

1.5.3 Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu 10

1.5.4 Pelajar Tingkatan Empat 11

1.6 Kepentingan Kajian 11

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bab 11 Kajian Lepas

2.0 Pendahuluan 14

2.1 Sikap dan Perkaitannya dengan Pencapaian Akademik 15

2.1.1 Pelajar Menengah Rendah 15

2.1.2 Pelajar Menengah Tinggi 16

2.1.3 Pelajar Maktab Perguruan dan Universiti 17

2.2 Jantina, ,Ras, Status Sosioekonomi Keluarga dan Kaitannya dengan Pencapaian Akademik 19

2.3 Kerangka Faktor-Faktor Konseptual Kajian 25

Bab 111 Metodologi Kajian

3.0 Rekabentuk Kajian 27

3.1 Membina Alat kajian 28

3.1.1 Latar belakang 29

3.1.2 Sikap 29

3.1.3 Ujian Khas 30

3.2 Menentukan Tempat/Lokasi Kajian 31

3.3 Populasi 31

3.4 Sampel Kajian 31

3.5 Menentukan dan Mengenal Pasti Pembolehubah-pembolehubah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.5.1 Pembolehubah bersandar 32

3.5.2 Pembolehubah tidak bersandar 32

3.5.3 Latar belakang 33
3.5.3.1 Sikap 34

3.6 Menentukan Tatacara Mengumpul Data 35

3.7 Memproses dan Menganalisis Data 35

Bab 1V Hasil Kajian

4.0 Pendahuluan 36

4.1 Profil Responden 37

4.2 Faktor Jantina dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR 38

4.3 Faktor Jantina dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR 40

4.4 Faktor Status Sosioekonomi dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR 41

4.5 Faktor Jantina dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR melalui Ujian Khas 43

4.6 Faktor Ras dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR melalui Ujian Khas 44

4.7 Faktor Status Sosioekonomi dengan Penguasaan Bahasa Melayu melalui Ujian Khas 46

4.8 Faktor Penguasaan Bahasa Melayu PMR dengan Penguasaan Bahasa Melayu melalui Ujian Khas 47

4.9 Faktor Pengaruh Sikap terhadap Penguasaan Bahasa Melayu 49

4.9.1 Aspek Komunikasi 52

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.9.2 Aspek Maklumat 53

4.9.3 Aspek Perasaan 54

4.9.4 Aspek Kebosanan 55

4.9.5 Aspek Membaca 56

4.9.6 Aspek Penggunaan Bahasa 57

4.9.7 Aspek Tatabahasa 58

Bab V Rumusan, Perbincangan dan Cadangan

5.0 Pendahuluan 60

5.1 Rumusan Hubungan Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu

5.1.1 Ho 1: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Pengujian BM PMR Mengikut Jantina. 60

5.1.2 Ho 2: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Pengujian BM PMR Mengikut Status Sosioekonomi. 61

5.1.3 Ho 3: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan BM PMR Mengikut Ras. 61

5.2 Rumusan Hubungan Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu Melalui Ujian Khas.

5.2.1 Ho 4: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Jantina. 62

5.2.2 Ho 5: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Status Sosioekonomi. 62

5.2.3 Ho 6: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Ras. 63

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

5.2.4 Ho 7: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Penguasaan BM PMR. 63

5.3 Hubungan Faktor Sikap Dengan Penguasaan Bahasa Melayu Melalui Ujian Khas. 64

5.4 Perbincangan. 64

5.5 Cadangan. 66

5.6 Kesimpulan. 67

Bibliografi

Lampiran

Lampiran A Soal selidik

Lampiran B Ujian Khas Bahasa Melayu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Senarai Rajah

Rajah 1 Kerangka Faktor-Faktor Konseptual Kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Senarai Jadual

Jadual 1 Profil Subjek

Jadual 2 Taburan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran BM PMR Mengikut Jantina.

Jadual 3 Taburan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran BM PMR Mengikut Ras.

Jadual 4 Taburan Pencapaian DalamMata Pelajaran BM PMR Mengikut Status Sosioekonomi.

Jadual 5 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Jantina

Jadual 6 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Ras.

Jadual 7 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Status Sosioekonomi.

Jadual 8 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Penguasaan BM PMR.

Jadual 9 Skor Interpretasi Min

Jadual 10 Sikap Pelajar Tingkatan IV Terhadap Penguasaan BM.

Jadual 11 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Berkomunikasi Dalam BM

Jadual 12 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Mendapatkan Maklumat Dalam BM

Jadual 13 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Suka atau Tidak Pada mata Pelajaran BM

Jadual 14 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Kebosanan Pada Mata Pelajaran BM

Jadual 15 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Membaca Bahan Dalam BM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 16 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Penggunaan BM

Jadual 17 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Tatabahasa BM

Senarai Singkatan

BM	-	Bahasa Melayu
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang

Penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan empat sangat penting menjelang mereka menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini disebabkan penguasaan dalam bahasa Melayu membantu pelajar tingkatan empat menguasai bidang ilmu yang lain seperti Sejarah, Geografi, dan mata pelajaran yang lain. Bahasa Melayu merentas kurikulum menjadikan bahasa Melayu sebagai alat untuk memperolehi ilmu secara lisan mahupun tulisan. Semua pelajar seharusnya tahu tentang keupayaan mereka menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan. Mengikut Nik Safiah Karim (1989), mengetahui bahasa Melayu bererti menggunakan bahasa dengan betul. Menguasai bahasa Melayu pula membawa maksud mengetahui dengan lebih mendalam, menyelami selok-belok bahasa daripada pelbagai segi, bentuk, dan fungsi.

Pelajar juga harus memahami bahasa Melayu dalam konteks sosiobudayanya, dengan hubungan timbal balik antara penutur dengan bahasa Melayu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hal ini demikian, kerana penguasaan yang lemah dalam bahasa Melayu merupakan satu gejala sosial yang boleh melemahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun terdapat banyak kelemahan penguasaan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, guru turut mempunyai kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu. Kementerian Pendidikan Malaysia (1989) menggariskan tiga ciri kelemahan dalam kalangan guru.

Pertama, guru-guru mata pelajaran didapati tidak memberi penekanan yang sewajarnya kepada peranan bahasa Melayu dalam proses pengajarannya. Keduanya, guru-guru mata pelajaran didapati tidak menggunakan bahasa Melayu yang tepat, jelas dan mudah difahami pelajar. Akhirnya, guru-guru mata pelajaran didapati tidak mahir menggunakan laras bahasa Melayu seperti sebutan, istilah dan sebagainya dalam pengajaran. Malangnya, tiada data yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai bilangan guru bagi setiap ciri tersebut. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah keseragaman penguasaan bahasa, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum.

Konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum adalah padanan daripada "Language Across the Curiculum" yang lahir daripada kajian Jawatankuasa Penyiasatan yang dipengerusikan oleh Sir Allan Bullock di England. Bullock (1975), memperakukan dua perakuan, iaitu: (a) Perakuan 138 yang menegaskan bahawa peringkat sekolah menengah, semua guru mata pelajaran perlu sedar akan proses-proses linguistik,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pemerolehan maklumat, dan pemahaman serta implikasi penggunaan bahasa oleh guru. Selain itu, guru perlu sedar akan kehendak linguistik mata pelajaran masing-masing dan cara-cara membantu pelajar menguasainya, dan (b) Perakuan 139 yang mengesyorkan agar setiap sekolah menengah mempunyai Dasar Bahasa Merentas Kurikulum. Kajian ini membuktikan bahawa penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan empat sangat penting sebelum mereka menghadapi SPM dan memasuki alam masyarakat, mereka akan menggunakan bahasa Melayu yang berkesan dalam kehidupan.

Ekoran daripada “Language Across the Curriculum” lahirlah konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia. Mengikut Kementerian Pendidikan (1998), peranan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sangat penting. Oleh itu, Bahasa Melayu telah dipertingkat penggunaan dan penguasaannya demi menghayati hasrat sebagai bahasa ilmu, bahasa perhubungan, dan bahasa pencerminan akal budi masyarakat.

Oleh itu, Bahasa Melayu Merentas Kurikulum berperanan menegaskan aspek bahasa dari segi sebutan, struktur ayat, dan tatabahasa. Strategi untuk melaksanakannya melibatkan bahan, pelajar dan guru. Justeru, satu kajian untuk mendapatkan data asas mengenai status pencapaian bahasa Melayu pelajar tingkatan empat di sekolah menengah perlu dilakukan. Apabila data status pencapaian bahasa Melayu diperoleh, pelbagai usaha boleh dilakukan untuk membaiki dan mempertingkat penguasaan bahasa Melayu. Kajian seterusnya juga boleh dijalankan untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang ada kaitannya dengan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Jika faktor-faktor

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ini dapat dikenal pasti, usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dapat dilakukan secara yang lebih sistematik.

Bagi mencapai hasrat ini, pelajar tingkatan empat harus meningkatkan kecekapan berbahasa supaya dapat menerima penyampaian isi pelajaran dalam bahasa yang lebih mudah difahami, tepat, gramatis, dan menggunakan gaya dan laras yang betul. Justeru itu, pelajar-pelajar tingkatan empat harus mempunyai mutu yang baik dalam pengetahuan tatabahasa bahasa Melayu dan sikap yang positif bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini disebabkan bahasa Melayu menjadi pengantar dalam semua mata pelajaran kecuali Sains dan Matematik (mulai 2002 hingga sekarang).

1.1 Permasalahan kajian.

Dunia pendidikan kini bertambah maju dengan pesat dan mencabar. Bahasa Melayu menghadapi cabaran yang hebat. Hal ini berlaku kerana mulai tahun 2002, Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan perkembangan ini, terdapat gangguan tumpuan pembelajaran terhadap bahasa Melayu. Kejayaan pelajar dalam SPM khususnya mata pelajaran bahasa Melayu akan bermula daripada tingkatan satu, tingkatan dua, menghadapi Penilaian Menengah Rendah dan seterusnya SPM. Sebelum menghadapi SPM, tingkatan empat adalah tahun yang sangat penting untuk pelajar memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dan sikap mereka terhadap bahasa Melayu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Didapati pelajar-pelajar tingkatan empat sebagai penerima pelajaran dalam bahasa Melayu masih lemah daripada segi tatabahasa bahasa Melayu. Kelemahan itu menyebabkan berlakunya pelbagai kesilapan bahasa. Abdul Hamid Mahmood (1993) menyatakan sejak akhir-akhir ini kerap ditemui kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu, baik dari segi penggunaan kata, penggunaan imbuhan, penggunaan frasa, mahupun penggunaan ayat. Oleh itu, pelajar tingkatan empat perlu menguasai semua aspek tatabahasa untuk menguasai bahasa Melayu.

Mengenai tatabahasa bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia (1991) menjelaskan bahawa kandungan tatabahasa bahasa Melayu terdiri daripada morfologi, sintaksis, fonologi dan semantik.

1.2 Soalan Kajian.

Memang tidak dapat dinafikan terdapat banyak faktor yang berkaitan dengan penguasaan tatabahasa pelajar-pelajar tingkatan empat: antaranya ialah penguasaan BM (PMR), jantina, ras, status sosioekonomi keluarga dan sikap pelajar. Walau bagaimanapun, perkara ini telah menimbulkan beberapa persoalan, iaitu:

(1) Adakah jantina mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah?

(2) Adakah ras mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah?

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(3) Adakah status sosioekonomi keluarga mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam Penilaian Menengah Rendah?

(4) Adakah terdapat perbezaan penguasaan tatabahasa mengikut ras berdasarkan ujian tatabahasa bahasa Melayu?

(5) Adakah terdapat perbezaan penguasaan tatabahasa mengikut status sosioekonomi keluarga?

(6) Adakah pencapaian dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah mempengaruhi penguasaan tatabahasa berdasarkan ujian tatabahasa bahasa Melayu?

(7) Adakah pelajar tingkatan empat bersikap positif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?

(8) Apakah sikap mempengaruhi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar tingkatan empat?

Persoalan-persoalan ini memerlukan suatu kajian dan bukti yang nyata yang diharapkan akan berhasil daripada kajian ini. Oleh itu, beberapa cadangan yang sesuai, dapat disyorkan bagi membaiki kelemahan yang ada disamping menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Pelajar-pelajar tingkatan empat juga diharapkan mampu membina kepekaan mereka untuk menguasai sistem tatabahasa bahasa Melayu dalam pelbagai situasi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.2.1 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul dibentuk oleh pengkaji untuk menguji hubungan penguasaan bahasa Melayu dengan ras, jantina dan sosioekonomi. Hipotesis nul juga dibentuk untuk menguji hubungan antara keputusan Penilaian Menengah Rendah dengan jantina, ras dan sosioekonmi. Di bawah ini dinyatakan hipotesis nul:

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR mengikut jantina.

Ho 2. Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR dengan sosioekonomi.

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR mengikut ras.

Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut jantina.

Ho 5: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut sosioekonomi.

Ho 6 : Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut ras.

Ho 7: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut penguasaan BM PMR.

1.3 Objektif Kajian.

Kajian ini dijalankan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar tingkatan empat dalam PMR. Kajian ini juga untuk menentukan faktor yang mempengaruhi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar tingkatan empat berdasarkan ujian khas Bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk:

(1) Menentukan hubungan pertalian antara jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga pelajar tingkatan empat dengan penguasaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Penilaian Menengah Rendah.

(2) Menentukan perbezaan penguasaan dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu dari segi jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga pelajar tingkatan empat berdasarkan ujian khas.

(3) Mengenal pasti pengaruh sikap terhadap penguasaan dalam tatabahasa bahasa Melayu berdasarkan ujian khas.

1.4 Batasan Kajian

Batasan kajian ini pada ialah keseluruhan pelajar tingkatan empat yang sedang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa. Populasi pelajar tingkatan empat seramai 173 orang terdiri daripada kaum Melayu dan Cina.

1.5 Definisi Operasional.

1.5.1 Pengaruh

Perkataan pengaruh dalam kajian ini, ialah kuasa yang terbit daripada orang atau benda ke atas orang atau benda yang lain (Kamus Dewan, 2002). Dalam kajian ini, pengaruh sikap dan penguasaan BM (PMR) pelajar tingkatan empat adalah melibatkan pembolehubah demografi. Menurut Page (1997), pembolehubah demografi ialah faktor-faktor yang wujud dalam sesuatu unit sosial dan memperlihatkan keadaan sesuatu masyarakat atau golongan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Dalam kajian ini , golongan yang dimaksudkan ialah pelajar tingkatan empat dan pembolehubah yang dipilih ialah penguasaan BM (PMR), penguasaan tatabahasa, sikap, jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga.

1.5.2 Sikap

Sikap ialah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberikan nilai terhadap satu-satu simbol, objek, dan apa jua aspek yang disukai atau tidak disukainya (Katz, 1996). Menurut Robyn (1972) sikap ialah suatu perasaan positif atau negatif terhadap apa juga objek, simbol, slogan, institusi, dan orang. Mengikut Syarifah Alwiah Alsagoff (1989) sikap ialah suatu pembawaan bertindak, mempunyai, atau berasa positif atau negatif terhadap objek, orang, situasi, atau idea. Berdasarkan definasi-definasi ini, dapatlah dirumuskan bahawa sikap itu merupakan perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat atau fikiran.

Dalam kajian ini, sikap adalah merujuk kepada pembawaan dan pandangan sama ada positif atau negatif, pelajar tingkatan empat terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Item sikap terdiri daripada lima belas item positif dan lima belas item negatif dengan menggunakan skor sikap seperti berikut: Sangat setuju, setuju, kurang pasti, tidak setuju, dan sangat tidak setuju.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.5.3 Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.

Penguasaan tatabahasa bahasa Melayu ialah kemampuan menguasai dengan betul suatu sistem lambang atau sistem pengucapan yang berperaturan yang digunakan sebagai alat perhubungan (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1994). Mengikut Arbak Othman (1986), tatabahasa ialah peraturan-peraturan bagaimana perkataan dibentuk dan bagaimana perkataan itu bergabung dengan perkataan lain untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Nik Safiah Karim dll. (1993) pula menjelaskan bahawa tatabahasa bahasa Melayu didasari oleh aspek-aspek atau bidang morfologi dan sintaksis di samping aspek-aspek fonologi dan semantik. Lebih jelas lagi, morfologi bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk, dan penggolongan kata (Nik Safiah Karim dll. 1993). Sintaksis pula ialah bidang bahasa yang membincangkan pembentukan frasa, klausa, dan ayat (Abdullah Hassan, 1987). Seterusnya, mengikut Abdullah Hassan (1987), fonologi ialah bidang bahasa yang terdiri daripada fonetik dan fonemik, fonetik mengkaji bunyi bahasa, dan fonemik mengkaji bunyi-bunyi yang penting dalam sesuatu bahasa. Akhirnya, semantik ialah bidang bahasa yang mengkaji makna.

Penguasaan pula ialah perihal mengetahui dengan mendalam, atau menjadikan diri mahir (Kamus Dewan, 2002). Dalam kajian ini, penguasaan tatabahasa bahasa Melayu adalah ditumpukan kepada aspek-aspek morfologi dan sintaksis sahaja kerana bidang-bidang ini sering didapati salah penggunaanya dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam kajian ini, penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan empat adalah merujuk kepada status penguasaan atau markah yang diperoleh berasaskan keputusan Ujian Khas Pelajaran Tatabahasa (Lampiran B).

1.5.4 Pelajar Tingkatan Empat

Pelajar tingkatan empat dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar yang sedang belajar di tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa, Tanjong Karang, Selangor.

1.6 Kepentingan Kajian.

Kepentingan bahasa Melayu ini lebih ditekankan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia (1989), penggunaan bahasa Melayu hendaklah ditingkatkan dalam semua mata pelajaran. Demi mengukuhkan hal ini, konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum telah digubal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum ini melibatkan sasarannya iaitu, pelajar dan guru. Dalam konteks ini pelajar sangat penting kerana mereka akan menamatkan persekolahan dan menjadi anggota masyarakat. Apabila menjadi anggota masyarakat mereka berperanan menggunakan dan mengembangkan bahasa Melayu. Pelajar dianggap sangat penting bagi memastikan bahasa Melayu digunakan secara baik,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

betul, jitu, dan indah di dalam bilik darjah, di luar bilik darjah, dan juga dalam masyarakat.

Berdasarkan hakikat itu, kajian ini menjadi sangat penting terutamanya kepada:

(1) Pegawai Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia,

(2) Pegawai Bahagian Pendididkan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia,

(3) Pegawai Perpustakaan atau Pusat Sumber di sekolah, maktab dan universiti,

(4) Pensyarah maktab dan universiti,

(5) Penyelia Mata Pelajaran Bahasa Melayu,

(6) Pegawai Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia,

(7) Pegawai Lembaga dan Majlis Peperiksaan Malaysia, dan

(8) Penerbit Radio dan Teleisyen Pendidikan Malaysia.

Tegasnya, kajian ini dapat menolong pihak-pihak yang dinyatakan di atas dalam usaha mereka mencari jalan membentuk sikap positif pelajar- pelajar tingkatan empat terhadap pelajaran tatabahasa bahasa Malayu.

Di samping itu, kajian ini dapat menolong pihak-pihak yang dinyatakan di atas dalam usaha memastikan pelajar mengenal pasti manakah penggunaan bahasa Melayu yang betul dan manakah penggunaan bahasa Melayu yang salah. Selain itu, kajian ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

juga dapat menolong pihak-pihak yang dinyatakan itu supaya mereka dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam pelajaran tatabahasa Melayu.

Akhirnya , kajian ini dapat membantu pakar-pakar kurikulum bahasa Melayu bagi menolong mereka menggubal Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran Bahasa Melayu yang menekankan komponen-komponen tatabahasa yang sering menjadi kelemahan para pelajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB II

KAJIAN LEPAS.

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain yang pernah membuat kajian berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan penguasaan BM (PMR) pelajar terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Sorotan terhadap kajian-kajian lepas dapat ditumpukan kepada tiga perkara yang menjadi objektif kajian ini, iaitu:

(1) sikap dan kaitannya dengan penguasaan BM (PMR) dan penguasaan dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu.

(2) Jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga dan kaitannya dengan penguasaan BM (PMR) dan penguasaan dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(3) Jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga dan kaitannya dengan sikap terhadap pelajaran tatabahasa bahasa Melayu.

Pengkaji juga turut membincangkan tentang kerangka konseptual kajian, iaitu perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah bersandar dan tidak bersandar ke arah memperoleh hasil atau dapatan kajian ini.

2.1 Sikap dan Perkaitannya dengan Pencapaian Akademik

Berhubung dengan sikap dan pencapaian akademik, beberapa orang pengkaji telah membuat kajian tentang hal ini. Oleh sebab peringkat pengajian atau persekolahan berbeza, maka, sukar untuk membuat satu rumusan yang generik tentang perkaitan sikap dengan pencapaian akademik.

2.1.1 Pelajar menengah rendah

Brodie (1964) pula mengkaji sikap pelajar sains dan pencapaiannya dengan pencapaian akademik. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa sikap pelajar sains mempunyai kaitan yang teguh dengan pencapaian akademik khususnya dalam kalangan pelajar yang berasa puas hati dengan keadaan sekolah berbanding dengan pelajar yang berasa tidak puas hati dengan keadaan sekolah (signifikan pada $p < 05$)

Adnan Kamis (1980) pula cuba mengesan pertalian antara sikap pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kampung Batu, Kuala Lumpur terhadap mata-mata pelajaran tertentu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan pencapaian dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran tahun 1978. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap pelajaran bahasa Melayu adalah mempunyai kolerasi yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar dan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempengaruhi pencapaian akademik pelajar peringkat menengah rendah.

2.1.2 Pelajar Menengah Tinggi.

Vallipuram (1969) mengkaji 100 orang pelajar tingkatan V1 Sekolah Menengah Alam Syah, Kuala Lumpur untuk mengesan sikap terhadap pelajaran Matematik dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan pencapaian akademik pelajar aliran sains. Dapatan yang serupa diperoleh oleh Khadijah Mohd Yusof pada tahun 1989 bagi pelajar Sekolah Menengah Bharu Bangi, Selangor.

Selain kajian-kajian itu, beberapa orang pengkaji lain sama ada pengkaji dari luar negara atau pengkaji tempatan turut memberi fokus mengenai sikap dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Dalam hal ini, Barrick (1980) mengkaji 375 orang pelajar sekolah menengah di daerah San Juan, Scramento, California,Amerika syarikat untuk mengesan kaitan antara jantina, status sosioekonomi, sikap terhadap mata pelajaran Matematik, dan pencapaian dalam pelajaran Matematik. Hasil kajiannya mengenai sikap menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan daripada segi jantina , iaitu pelajar perempuan menunjukkan sikap positif dalam mata pelajaran Matematik (r = 0.61,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

p < 05). Namun, kajiannya menunjukkan bahawa tiada perbezaan yanag tekal dari segi sikap terhadap pelajaran Matematik dalam kalangan pelajar berkenaan.

Selanjutnya, Zainun Shaffian (1988) mengkaji 80 orang pelajar Melayu tingkatan 1V daripada dua buah dua buah sekolah di Negeri Sembilan dan Perak untuk mengesan pengaruh dan latar belakang dan sikap pelajar dalam pelajaran Matematik moden. Hasil kajianya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan prestasi pelajar Melayu dalam mata pelajaran Matematik moden (r = -3084, p <05).

Di samping itu, Zalina Muhamad (1988) mengkaji 120 pelajar Tingkatan V daripada dua buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan untuk mengetahui sejauh manakah pengaruh dan hubungan faktor sikap dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kimia Moden. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kimia Moden (r = -0.12, p < .01).

2.1.3 Pelajar Maktab Perguruan dan Universiti

Adams (1962), mengkaji 190 orang pelajar Univesiti Chicago, Amerika Syarikat, untuk mengesan kaitan antara pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah, Geografi, Sains, Bahasa Inggeris, dan Matematik, hasil kajiannya menunjukkan bahawa sikap positif pelajar terhadap mata-mata pelajaran berkenaan mempunyai kaitan positif

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan pencapaian akademik yang tinggi, manakala sikap negatif adalah mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik yang rendah.

Seterusnya,Kamarudin Husin (1986) pula mengkaji guru pelatih bukan Melayu di maktab-maktab perguruan Kuala Lumpur, untuk mengenal pasti tahap kesalahan penggunaan bahasa Melayu. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa sikap negatif guru pelatih terhadap bahasa Melayu adalah menjadi punca kelemahan dalam pelajaran bahasa Melayu iaitu sebanyak 73.10% daripada sampel kajian didapati tidak pernah menyertai aktiviti-aktiviti kemahiran bahasa seperti berbahasan, bersyarah dan berdrama.

Namun begitu, hasil kajian Zalina Mohamed (1988) pula mendapati sikap pelajar terhadap mata pelajaran kimia adalah negatif. Bagi pelatih maktab perguruan pula, Noran Fauziah Yaakob (1988) mengkaji 210 orang guru pelatih Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur untuk mengesan hubungan antara sikap guru pelatih terhadap bidang perguruan dan prestasi akademik sebagai salah satu aspek kajiannya. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa sikap kurang positif terdapat dalam kalangan guru pelatih berkelulusan STPM, walaupun pencapaian akademik mereka dalam peperiksaan adalah lebih baik daripada guru pelatih berkelulusan SPM. Oleh sebab SPM dan STPM dijadikan asas untuk memiih calon pelatih guru, maka dapatan kajian ini memcetuskan persoalan adakah prestasi SPM dan STPM terutamanya bahasa Melayu menyumbang kepada prestasi guru pelatih semasa di maktab.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.2 Jantina, Ras, dan Status Sosioekonomi Keluarga dan Kaitannya dengan Pencapaian Akademik

Beberapa kajian, sama ada di dalam atau di luar negara sedikit sebanyak telah menyentuh perkaitan antara jantina, ras dan status sosioekonomi keluarga pelajar dengan pencapaian akademik. Mohamed Shah Lassim (1972) telah mengkaji pelajar Malaysia di Universiti Louisiana State, Amerika Syarikat. Kajian beliau menunjukkan bahawa pekerjaan, pendapatan, dan tahap pendidikan keluarga adalah mempunyai pertalian yang signifikan dengan pencapaian akademik.

Seterusnya, Praphon Jearakul (1972) mengkaji pelajar tahap x (bersamaan Tingkatan 1V di Malaysia) di Thailand untuk mengenal pasti hubungan antara beberapa faktor dengan pencapaian akademik. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pelajar yang keluarganya terdiri daripada peniaga dan kakitangan kerajaan adalah mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada keluarga yang terdiri daripada petani.

Taha Abduk Kadir (1977) pula mengkaji pelajar Melayu di sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur untuk mengesan persekitaran rumah tangga dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Hasil kajiannya menunjukkan taraf sosioekonomi yang rendah merupakan faktor utama dalam menentukan kelemahan pencapaian akademik pelajar Melayu di sekolah berkenaan.

Di samping itu, Baggio (1978) mengkaji pelajar sekolah menengah di Brazil untuk mengesan kaitan pemboleh ubah jantina dan status sosioekonomi keluarga pelajar berkenaan. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pelajar perempuan mendapat markat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang lebih tinggi daripada markat pelajar lelaki (min perempuan = 13.10, min lelaki = 7.70).

Barrick (1980) pula mengkaji 375 pelajar sekolah-sekolah di Daerah San Juan, Scramento, California, Amerika Syarikat. Hasil kajiannya mengenai hubungan antara status sosioekonomi keluarga pelajar dengan pencapaian pelajar dalam pelajaran Matematik menunjukkan bahawa status sosioekonomi memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai status sosioekonomi tinggi mempunyai min markat yang lebih tinggi daripada min markat pelajar berstatus sosioekonomi rendah.

Seterusnya, Davies dan Kandel (1981) mengkaji beberapa faktor yang berkaitan dengan pecapaian akademik pelajar. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa status sosioekonomi keluarga pelajar adalah faktor yang mempunyai perkaitan yang teguh dengan pencapaian akademik.

Selain itu, Adnan Abdul Kadir (1989) telah mengkaji hubungan status sosioekonomi keluarga, sikap, jantina, dan pencapaian akademik pelajar di dua buah sekolah menengah di Kuala Lipis, Pahang. Beliau mendapati bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara status sosioekonomi keluarga, dengan pencapaian akademik pelajar berkenaan.

Selain kajian-kajian di atas, terdapat beberapa kajian lain seperti kajian-kajian oleh Cole (1968), Niles (1981), Kamarrudin Husin (1986), Mohd Majid Konting dan Zailatul Akmaliah Lope Pihie (1987), John (1988), Goh (1988), Chalip dan Stigler

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

(1986), Bong Chin Mei (1990), Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit (1991), dan Rahil Mahyuddin (1991).

Cole (1968) mengkaji 50 pasangan pelajar lelaki keturunan kulit hitam dan Caucasian daripada dua buah maktab rendah di San Francissco, Amerika Syarikat untuk mengesan perkaitan antara sikap terhadap pelajaran pendidkan jasmani, dan status sosioekonomi keluarga pelajr kulit hitam dan Caucasian. Hasil kajianyya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dari segi status sosioekonomi keluarga antara pelajar kulit hitam dan pelajar Caucasian, iaitu status sosioekonomi keluarga pelajar Caucasian adalah lebih tinggi daripada status sosioekonomi keluarga pelajar kulit hitam ($F= 3.20$, $p < .05$ dan $F = 3.11$, $p < 05$).

Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit (1991), telah mengkaji pelajar sekolah-sekolah menengah kerajaan di Kuching, Sarawak untuk mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar dalam pembelajaran mereka. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa variasi dalam pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu adalah bergantung kepada tahap pendidikan bapa kepada pelajar berkenaan, iaitu kelayakan akademik bapa adalah menyumbang 20.00% varians kepada pencapaian akademik dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Seterusnya, Rahil Mahyuddin 1991 mengkaji pelajar di 8 buah sekolah menengah di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk mengenal pasti kesan peperiksaan ke atas kerisauan dan peramal-peramal pencapaian akademik pelajar. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa stasus sosioekonomi keluarga pelajar adalah peramal

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penting bagi pencapaian akademik pelajar tingkatan III, iaitu pelajar berstatus sosioekonomi atas menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan pelajar berstatus sosioekonomi sederhana dan bawah.

Niles (1981) pula mengkaji pelajar gred x di 37 buah sekolah di Colombo, Sri Lanka untuk mengenal pasti antara status sosioekonomi dengan pencapaian akademik. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai ibu bapa berjawatan tinggi memperoleh pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ($p < 0.3$).

Chalip dan Stigler (1986) mengkaji 608 orang pelajar gred I hingga gred V di Taipei, Taiwan (bersamaan Tingkatan V di Malaysia) untuk mengesan kesan daripada status sosioekonomi keluarga sebagai salah satu pemboleh ubah bebas untuk menentukan pencapaian. Keputusan kajian mereka menunjukkan bahawa status sosioekonomi keluarga adalah peramal tekal kepada pencapaian akademik bagi pelajar gred I ($k < .001$) dan pelajar gred II ($k < 001$). Kajin ini juga menunjukkan bahawa pelajar berstatus sosioekonomi atas secara tekal mempunyai prestasi pencapaian lebih tinggi daripada pelajar berstatus sosioekonomi bawah.

Kamarudin Husin (1986) pula mengkaji guru pelatih bukan Melayu di maktab-maktab perguruan di Kuala Lumpur untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa min kesalahan guru pelatih keturunan India adalah lebih tinggi daripada min kesalahan guru pelatih keturunan Cina.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mohd Majid Konting dan Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (1987) pula mengkaji ciri-ciri latar belakang seperti jantina dan ras pelajar dalam mempengaruhi pencapaian akademik dalam mata pelajaran Perdagangan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada pencapaian akademik pelajar lelaki (r = 0.24), dan pelajar kaum Cina mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pencapaian akademik kaum-kaum yang lain (r = 0.25).

Selanjutnya, Bong (1990) pula mengkaji 70% pelajar Tingkatan 1V dan Tingkatan V1 Rendah di Sekolah Menengah Munsyi Abdullah, Melaka untuk mengesan sama ada faktor jantina mempengaruhi atau tidak mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran Matematik. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai pencapaian yang lebih baik daripada pencapaian pelajar perempuan.

Secara keseluruhan hubungan antara sikap pelajar tingkatan empat dengan penguasaan bahasa Melayu menunjukkan hubungan positif. Kolerasi (R)=0.66 menerangkan hubungan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Melayu. Ini bermaksud jika sikap pelajar pada bahasa Melayu positif maka, penguasaan bahasa Melayu juga akan meningkat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB V

RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini membentangkan rumusan kajian dan diikuti dengan perbincangan berkaitan dengan dapatan kajian. Selain itu, beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan juga turut dikemukakan.

5.1 Rumusan Hubungan Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR.

5.1.1 Ho 1: Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR mengikut jantina.

Keputusan kajian ini menunjukkan hipotesis nul (Ho) diterima dan hipotesis alternatif (Ha) ditolak. Maka kajian ini menunjukkan tidak wujud hubungan yang signifikan antara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penguasaan Bahasa Melayu, Penilaian Menengah Rendah dengan jantina. Tidak ada hubungan sama ada pelajar perempuan mempunyai gred Bahasa Melayu PMR yang lebih tinggi, berbanding pelajar lelaki ataupun pelajar lelaki mempunyai gred penguasaan Bahasa Melayu PMR yang lebih tinggi.

5.1.2 Ho 2: Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR dengan status sosioekonomi.

Keputusan kajian ini menunjukkan hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Maka kajian ini membuktikan tidak wujud hubungan yang signifiken antara penguasaan Bahasa Melayu, Penilaian Menengah Rendah dengan status sosioekonomi. Tidak ada hubungan sama ada pelajar yang mempunyai gred Bahasa Melayu PMR yang lebih tinggi turut mempunyai status sosioekonomi yang tinggi, dan pelajar yang mempunyai status sosioekonomi rendah memperoleh gred Bahasa Melayu PMR yang rendah.

5.1.3 Ho 3: Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR mengikut ras.

Keputusan kajian ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Maka kajian ini membuktikan wujud hubungan yang signifiken antara penguasaan Bahasa Melayu, Penilaian Menengah Rendah dengan ras. Wujud hubungan dimana pelajar yang mempunyai gred Bahasa Melayu PMR yang lebih tinggi berketurunan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Melayu. Sementara pelajar berketurunan Cina mempunyai gred Bahasa Melayu PMR yang lebih rendah berbanding pelajar Melayu.

5.2 Rumusan Hubungan Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu melalui Ujian Khas.

5.2.1 Ho 4: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut jantina.

Keputusan kajian ini menunjukkan hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Maka kajian ini membuktikan tidak wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan Bahasa Melayu melalui ujian khas dengan jantina. Tidak ada hubungan sama ada pelajar perempuan mempunyai gred ujian khas Bahasa Melayu yang lebih tinggi, berbanding pelajar lelaki ataupun pelajar lelaki mempunyai gred penguasaan ujian khas Bahasa Melayu yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

5.2.2 Ho 5: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM dengan status sosioekonomi.

Keputusan kajian ini menunjukkan hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Maka kajian ini membuktikan tidak wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan bahasa Melayu melalui ujian khas dengan status sosioekonomi. Tidak ada hubungan sama ada pelajar yang mempunyai gred ujian khas Bahasa Melayu yang lebih tinggi turut

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mempunyai status sosioekonomi yang tinggi, dan pelajar yang mempunyai status sosioekonomi rendah memperoleh gred ujian khas Bahasa Melayu yang rendah.

5.2.3 Ho 6: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut ras.

Keputusan kajian ini menunjukkan hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Maka kajian ini membuktikan tidak wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan ujian khas Bahasa Melayu, dengan ras. Tidak wujud hubungan dimana pelajar yang mempunyai gred ujian khas Bahasa Melayu yang lebih tinggi berketurunan Melayu. Sementara pelajar berketurunan Cina mempunyai gred ujian khas Bahasa Melayu yang lebih rendah berbanding pelajar Melayu.

5.2.4 Ho 7: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut penguasaan Bahasa Melayu PMR.

Keputusan kajian ini menunjukkan hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Maka kajian ini membuktikan tidak wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan ujian khas Bahasa Melayu, dengan penguasaan Bahasa Melayu PMR. Tidak wujud hubungan dimana pelajar yang mempunyai gred ujian khas Bahasa Melayu yang lebih tinggi turut mempunyai gred Bahasa Melayu PMR yang tinggi. Sementara pelajar yang mempunyai gred ujian khas Bahasa Melayu yang rendah turut mempunyai gred Bahasa Melayu PMR yang rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.3 Hubungan Faktor Sikap dengan Penguasaan Bahasa Melayu melalui Ujian Khas.

Keputusan kajian ini membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan Bahasa Melayu melalui ujian khas dengan sikap. Secara keseluruhan hubungan antara sikap pelajar tingkatan empat dengan penguasaan bahasa Melayu menunjukkan hubungan positif. Kolerasi (R) =0.66 menerangkan hubungan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Melayu bermaksud jika sikap pelajar pada bahasa Melayu positif maka, penguasaan bahasa Melayu juga akan meningkat.

5.4 Perbincangan

Tinjauan kajian lepas dalam Bab II dengan jelas menunjukkan tidak ada kajian khusus dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh faktor sikap dan penguasaan Bahasa Melayu PMR pelajar tingkatan empat terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Ini kerana kajian yang terperinci dijalankan banyak tertumpu kepada mata-mata pelajaran seperti Sejarah, Geografi, Sains, Bahasa Inggeris, Matematik, Perdagangan, dan Kimia Moden.

Walau bagaimanapun ada juga beberapa kajian mengenai bahasa Melayu, atau pelajaran Bahasa Melayu secara tidak menyeluruh dan sepintas lalu sebagaimana kajian-kajian Kamarudin Husin (1986), Khadijah Md. Yusop (1989), dan abang Ahmad Ridzuan Abang Awit (1991).

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina pelajar dengan gred penguasaan yang telah diperoleh dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tidak terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Melayu antara pelajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

lelaki dan perempuan. Perbezaan yang ketara berlaku antara pelajar Melayu dengan Cina. Didapati pelajar Melayu mendapat gred yang lebih baik berbanding pelajar Cina. Dapatan kajian ini nampaknya tidak selaras dengan dapatan kajian Kamarudin Husin (1986), Mohd Majid Konting dan Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (1987), Goh (1988), dan John (1988).

Dapatan kajian ini tidak menyokong dapatan kajian Mohamed Shah Lassim (1972), Praphon Jearakul (1976), Taha Abdul Kadir (1977), Barrick (1980), Davies & Kandel (1981), dan Cole (1968) di mana wujud perbezaan penguasaan tatabahasa mengikut tahap status sosioekonomi keluarga. Dapatan kajian lain menyatakan wujud hubungan yang signifikan antara status sosioekonomi keluarga pelajar dengan pencapaian dalam penguasaan bahasa Melayu. Tetapi kajian ini mendapati terdapat pelajar tingkatan empat yang berstatus sosioekonomi keluarga sederhana dan status rendah turut memperoleh penguasaan tatabahasa bahasa Melayu yang tinggi. Terdapat juga status sosioekonomi keluarga berstatus sederhana dan rendah yang memperoleh penguasaan bahasa Melayu yang rendah.

Mengenai pengaruh sikap terhadap tatabahasa bahasa Melayu, dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap dan penguasaan tatabahasa mempunyai pengaruh tetapi agak kecil. Oleh itu, ada kemungkinan pelajar tingkatan empat yang mempunyai sikap negatif hanya mempunyai penguasaan sederhana atau rendah dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Adams (1962), Brodie (1964), Adnan Kamis (1980), Kamarudin Husin (1986), Zainun Shaffian (1988), Zalina Muhamad (1988), dan Khadijah Md. Yusop (1989).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.5 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan yang dirasakan sesuai boleh diambil kira oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan pendidikan iaitu:

(1) Pelajar tingkatan empat digalakkan menyertai kem motivasi bahasa Melayu supaya dapat meningkatkan lagi sikap positif yang sedia ada untuk menghadapi SPM.

(2) Guru sekolah perlu memberi tumpuan kepada pelajar berbangsa Cina supaya penguasaan bahasa Melayu mereka setara dengan ras Melayu.

(3) Menggalakkan pelajar tingkatan empat menyertai aktiviti kokurikulum supaya mereka dapat mengamalkan bahasa Melayu dalam debat, forum, dan seminar.

(4) Meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tingkatan empat bahawa mereka mesti menguasai bahasa Melayu untuk mereka menjadi anggota masyarakat yang berkesan dalam pembangunan negara.

Untuk aktiviti penyelidikan pula, beberapa perkara perlu dikaji dengan lebih mendalam dan sistematik. Antaranya ialah:

1) Mencari sebab kenapa hubungan antara sikap dengan penguasaan bahasa Melayu adalah rendah. Selain itu, kajian juga perlu dijalankan untuk mengenal pasti aktiviti yang boleh mempertingkatkan sikap yang positif.

2) Usaha penyelidikan juga perlu dijalankan untuk mencari sebab dan cara mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan ras Cina dan India.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.6 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapatlah dibuat kesimpulan iaitu terdapat banyak faktor-faktor yang dapat mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu pelajar tingkatan empat. Kajian ini menunjukkan faktor ras dan faktor sikap mempunyai pengaruh terhadap penguasaan bahasa Melayu pelajar. Walau bagaimanapun diandaikan terdapat banyak lagi faktor lain seperti guru, persekitaran dan perkembangan semasa seperti penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik yang berkemungkinan mempunyai pengaruh terhadap penguasaan bahasa Melayu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BIBLIOGRAFI

Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit (1991). ***Factors Relating to Achievement to High School Student in Kuching City, Malaysia*** (Dissertasi Kedoktoran, University of Hull, 1991)

Abdul Hamid Mahmood (1987). "Kesalahan Frasa dan Ayat" ***dalam Abdullah Hassan, Hasanah Abdullah dan Mashudi Kader (ed), Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia.*** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hamid Mahmood (1993**). *Betulkan Kesalahan Bahasa Anda***. Kuala Lumpur: Penerbitan Ensimal.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994). ***Tatabahasa Dinamika***. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan (ed) (1987). ***Rencana Linguistik***. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adams, R.S. (1962). "A Further Approsch to Attitude Scalling". ***British Educational Journal,*** (34), 201-208.

Adnan bin Abdul Kadir (1989). ***Hubungan Status Sosioekonomi, Sikap Terhadap Sekolah dan Jantina Dengan Pencapaian Akademik: Satu Kajian Kes Ke Atas Murid-murid Asrama Di Daerah Lipis, Pahang,*** Latihan Ilmiah Ijazah Pertama yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, BANGI, Selangor.

Adnan Kamis (1980). ***Pertalian Antara Sikap Pelajar terhadap Mata-mata Pelajaran tertentu dan Pencapaian dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Di Sebuah sekolah Menengah Kebangsaan.*** Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Arbak Othman (1986). ***Permulaan Ilmu Linguistik.*** Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Arv, D, Jacobs, L.C, dan Razaviieh, A. (1985). ***Introduction to Research in Education***. New York: Halt Rinehart and Winstan.

Awang Mohamad Amin (1982). ***Satu Kajian Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah .*** Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

Banks O, and Finlayson, D. (1973). ***Success and Failures in the Secondary Scholl.*** London : Mathnen & Co. Ltd.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Barrick, S.W. (1980). ***Achievement in the Attitude towards High School mathematics With Respect to sex and socioeconomic Status.***
(Dissertasi Kedoktoran, University of The Pacific, 1980)

Bong, Chin Men (1990). ***Kajian Mengenai Faktor Jantina Ke Atas Pencapaian Matematik Bagi Pelajar Tingkatan Empat dan Enam Bawah.*** Latihan Ilmiah Ijazah Pertama yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Brodie, T.S. (1964). "Attitude Towards and Academic Achievement". ***Personal and Guidance Journal,*** 376-38.

Bullock, Allan, Sir (1975). ***A Language for Life: Report of the Committee of Inquiry appointed by the Secretary of State for Education and Science.*** London: HMSO.

Chalip, L. dan Stiger, J.W (1986). "Development of Achievement and Ability Among Chinese Children: A New Contribution to an Old Controversy; ***Journal of Educational Research,*** (5), 302-307.

Chomsky, Noam (1957). ***Syntactic Structure***. The Haque: Mouton & Co.

Cole, J.R (1968). ***The Relationships Between Attitudes Towards Physical Education Activities, Motor Performance, And Socio-economic Status of Negro and Caucasian College Men.***
(Dissertasi Kedoktoran, Colorado State University, 1968).

Davies, M. and Kandel, D.S (1981). "Parental and peer Influence on Adolescents Educational Plant: Some Future Evidence" ***Dalam American Journal of Sociology,*** (87), 373-387.

Fauzi Ishak (1990). ***Hubungan Status Sosioekonomi Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar: Kajian di Tiga Buah Sekolah Menengah di daerah Banting Selangor Darul Ehsan.*** Latihan Ilmiah Ijazah Pertama yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Goh, L.K (1988). ***Penganalisisan Beberapa Faktor Terpilih dalam Kimia.*** Latihan Ilmiah Ijazah Muda Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Kebagsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Jabatan Perdana Menteri Malaysia (1991). ***Rancangan Malaysia Keenam*** (1991-1995). Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Negara.

Kamarudin Hj. Husin (1986). ***Penguasaan Bahasa Malaysia Di Kalangan Pelajar Bukan Melayu Di Maktab-maktab Perguruan Di Kuala Lumpur***: Tesis Sarjan yang tidak diterbitkan, Universiti Pertanian Malaysia, Malaysia, Serdang,Selangor.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kamus Dewan (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Katz, D, (1966). ***The Function Approach to the Study of Attitudes***. USA: Public Opinion Quarterly.

Karlinger, F, (1973). ***Foundation of Behavior Research.*** New York: Holt Tinehart & Winston.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). ***Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan Perlaksanaannya.*** Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). ***Huraian Sukatan Pelajarn Bahasa Malaysia Tingkatan IV.*** Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2005). ***Format Pentaksiran PMR***, Putrajaya: LembagaPeperiksaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). ***Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.*** Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kuurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). ***Bahasa Melayu Merentas Kurikulum***. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kuurikulum.

Khadijah Md. Yusop (1989). ***Kajian Sikap Pelajar Tingkatan Empat dan Hubungan Dengan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu.*** Latihan Ilmiah Ijazah Pertama yang Tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Koh Boh Boon (1988). "Strategi untuk Meningkatkan Kecekapan Guru dalam Pengajaran Tatabahasa Bahasa Melayu": ***Dalam Sopiah Hamid (ed), Ke Arah Keprofesionalan Guru Bahasa Melayu dan Sastera Melayu*** (hal. 13-14). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Majid Konting (1990). ***Kaedah Penyelidikan Pendidikan.*** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Majid Konting dan Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (1987). ***Hubungan Sikap Pelajar dengan Pencapaian Akademik dalam Mata Pelajaran Perdagangan Di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia.*** Kertas Projek Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mohamad Hj. Taib (1979). ***Satu Kajian Kebiasaan Belajar dan Sikap Belajar Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan*** (Dissertasi Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan).

Nik Safiah Karim (1989). " Pengetahuan, Penguasaan dan Pengayaan Bahasa Melayu Guru-guru Pelatih". ***Dalam Azman Wan Cik (ed), Mengajar Bahasa Malaysia Jilid 2.*** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, dan Abdul Hamid Mahmood (1993). ***Tatabahasa Dewan Edisi Baharu***. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Niles, S.F, (1981). " Social Class and Academic Achievement: ATHIRD World Reinterpretation". ***Dalam Comparative Education Review***, (1), 420-429.

Noran fauziah Yaakub (1988). ***Perhubungan Antara Trait Personaliti, Motif Mengajar, dan Sikap Guru Pelatih Terhadap Perguruan dan Prestasi Mereka*** (Dissertasi Kedoktoran , Universiti Sains Malaysia, 1988).

Page, G.T (1977). ***International Dictionary of Education***. London: Kogen Page.

Rahil Hj. Mahyuddin (1991). ***Kesan Peperiksaan Ke atas Kerisauan dan Peramal-peramal Pencapaian Akedamik*** (Dissertasi Kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991)

Robyn M. Dawes (1972). ***Fundamental of attitude,*** London : John Wiley & Sons.

Sharifah Alawiah Alsagoof (1989). ***Psikologi Pendidikan I.*** Kuala Lumpur: Penerbitan Longman Press.

Sulaiman Ngah Razali (1991). ***Penggunaan Statistik dalam Penyelidikan Pendidikan.*** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Taha Abdul Kadir (1977). ***Persekitaran Rumah Tangga dan Pencapaian Akedemik Murid-murid Di Sekolah Menengah Kebagsaan.*** Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Villipuram, C.A (1996). ***A Study of Attitudes of Malay Students towards Mathematics.*** Latihan Ilmiah Ijazah Pertama yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Zainun Shaffian (1988). ***Latar Belakang dan Sikap Pelajar-pelajar Matematik dan Kaitannya dengan Prestasi Dalam Mata Pelajaran Matematik Moden.*** Latihan Ijazah Pertama yang tidak diterbitkan , Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Zalina Muhammad (1988). ***Satu Kajian Mengenai Faktor Sikap dan Pencapaian antara Jantina Dalam Mata Pelajaran Kimia Moden.*** Latihan Ilmiah Ijazah Pertama yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

LAMPIRAN A

SOALAN SOAL SELIDIK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

No. Rujukan

PENGARUH SIKAP TERHADAP PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT.

Ini adalah soal selidik bagi mengumpul maklumat tentang anda dan pelajaran tatabahasa bahasa Melayu. Sila jawab semua soalan dengan tepat dan jujur. Ini bukannya satu ujian. Oleh itu, tiada jawapan betul atau salah. Kerjasama anda diucapkan ribuan terima kasih.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAHAGIAN I : Latar Belakang

a. Jantina:

1. Lelaki ☐
2. Perempuan ☐

b. Ras

1. Melayu ☐
2. Cina ☐
3. India ☐
4. Lain-lain (Nyatakan) ☐

_____

c. Berapakah bilangan adik beradik termasuk anda? _____

d. Apakah pekerjaan bapa/penjaga anda?

1. Bekerja dengan kerajaan ☐
2. Bekerja dengan swasta ☐
3. Bekerja sendiri ☐
4. Lain-lain (Nyatakan) ☐

_____

e. Apakah pekerjaan ibu anda?

1. Bekerja dengan kerajaan ☐
2. Bekerja dengan swasta ☐

. 3. Bekerja sendiri ☐

4. Lain-lain (Nyatakan) ☐

_____

f. Berapakah jumlah pendapatan bulanan bapa/penjaga anda? RM_____

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

g. Ramalkan keputusan anda dalam Ujian/Peperiksaan pelajaran tatabahasa bahasa Melayu atau ujian khas ini. (Tandakan satu sahaja)

A	B	C	D	E

BAHAGIAN II: Sikap

Arahan: Berikut beberapa pernyataan berhubung dengan anda dan pelajaran tatabahasa bahasa Melayu. Sila baca setiap pernyataan dan kemudian tentukan sejauh mana sikap anda terhadap tiap-tiap pernyataan itu. Sila anda tanda/bulatkan satu angka sama ada anda: Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (TP), Tidak Setuju (TS), atau Sangat Tidak Setuju (STS). Bagi soalan-soalan 1-15, guna skala berikut:

Sangat Setuju	(SS)	-	5
Setuju	(S)	-	4
Tidak Pasti	(TP)	-	3
Tidak Setuju	(TS)	-	2
Sangat Tidak Setuju	(STS)	-	1

1.	Saya mempunyai kefasihan berkomunikasi, berhujah dan berbincang dalam bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
2.	Saya sungguh yakin semasa menggunakan bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
3.	Saya perlu menggunakan bahan bacaan dalam bahasa Melayu.	1	2	3	4	5

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.	Saya dapati perkembangan yang pesat dalam peristilahan bahasa Melayu menyukarkan saya untuk mendapat bahan rujukan yang terkini.	1	2	3	4	5
5.	Saya berupaya untuk mendapatkan maklumat daripada kamus.	1	2	3	4	5
6.	Saya berupaya untuk mendapatkan maklumat daripada jurnal/majalah	1	2	3	4	5
7.	Saya berupaya untuk mendapatkan maklumat daripada rujukan am.	1	2	3	4	5
8.	Saya mampu untuk menilai sesuatu atau membuat rumusan petikan teks Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
9.	Saya mampu menilai sesuatu bahan bacaan dalam bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
10.	Saya berusaha dengan kuat untuk menguasai aspek-aspek kecekapan berbahasa Melayu.	1	2	3	4	5
11.	Saya tidak suka diganggu apabila sedang belajar tatabahasa bahasa Melayu.	1	2	3	4	5

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

12.	Saya menyukai pelajaran tatabahsa Bahasa Melayu lebih daripada mata-mata pelajaran yang lain.	1	2	3	4	5
13.	Saya sangat berseronok jika masa atau 'period' belajar bagi pelajaran tatabahasa bahasa Melayu ditambah.	1	2	3	4	5
14.	Saya selalu bertanya kepada guru bahasa Melayu pada waktu belajar di dalam kelas mengenai apa yang saya tidak faham.	1	2	3	4	5
15.	Saya lebih banyak mengulangkaji pelajaran tatabahasa bahasa Melayu lebih daripada mata-mata pelajaran yang lain.	1	2	3	4	5

Bagi soalan-soalan 16-30, guna skala berikut:

Sangat Setuju	(SS)	-	1
Setuju	(S)	-	2
Tidak Pasti	(TP)	-	3
Tidak Setuju	(TS)	-	4
Sangat Tidak Setuju	(STS)	-	5

16.	Pelajaran tatabahasa bahasa Melayu membosankan saya.	5	4	3	2	1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

17.	Saya berpendapat bahawa belajar bahasa Melayu adalah membuang masa sahaja.	5	4	3	2	1
18.	Saya jarang membaca buku teks bahasa Melayu.	5	4	3	2	1
19.	Saya lebih suka membaca buku Sains daripada membaca buku tatabahasa bahasa Melayu.	5	4	3	2	1
20.	Saya sangat sukar mengingati fakta-fakta dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu.	5	4	3	2	1
21.	Saya tidak ada kebolehan mengaplikasi penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian.	5	4	3	2	1
22.	Saya tidak suka merancang dan tidak menggunakan tatabahasa bahasa Melayu sewaktu di rumah.	5	4	3	2	1
23.	Saya fikir saya tidak perlu menguasai pola ayat dasar bahasa Melayu.	5	4	3	2	1
24.	Saya jemu mempelajari tentang struktur ayat pasif bahasa Melayu.	5	4	3	2	1
25.	Saya bosan mempelajari mengenai imbuhan bahasa Melayu.	5	4	3	2	1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

26.	Saya tidak seronok belajar bahasa Melayu.	5	4	3	2	1
27.	Saya fikir sangat banyak perkara yang perlu diingat dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu.	5	4	3	2	1
28.	Saya tidak perlu mengambil tahu makna imbuhan me---kan dan makna imbuhan me---i.	5	4	3	2	1
29.	Saya tidak mahir membezakan antara ayat yang gramatis dan ayat yang tidak gramatis.	5	4	3	2	1
30.	Saya tidak berapa pasti perbezaan antara klausa dan ayat.	5	4	3	2	1

BAHAGIAN III: Pencapaian Akademik

1. Kelulusan akademik pada peringkat UPSR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. _____

2. Kelulusan akademik pada peringkat PMR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. _____

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

LAMPIRAN B

SOALAN UJIAN KHAS BAHASA MELAYU

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Soalan 1 hingga Soalan 7
Lengkapkan ayat-ayat dibawah dengan **memilih** jawapan yang **paling sesuai.**

1. "Besarlah harapan _____ sekiranya tuan dapat hadir ke majlis itu nanti," kata Osman kepada Pegawai Daerah Kulim.
A kita
B kami
C kalian
D anda

2. Para _____diseru supaya menghasilkan tulisan yang bermutu tinggi.
A karyawan
B sejarawan
C bagsawan
D budayawaan

3. Kerana _____,Ahmad enggan menerima upah atas pertolongan yang diberikan.
A amanah
B setia
C jujur
D ikhlas

4. Junaidah sedang _____ air di dapur untuk sarapan pada pagi itu.
A menanak
B menjerang
C mengukus
D mencelur

5. Baju Harun _____ kerana terkena lumpur.
A compang-camping
B comot-momot
C serbah-serbih
D koyak-rabak

6. Kesederhanaan Jamal dalam tutur katanya menyebabkan beliau _____ oleh masyarakat.
A diikuti
B diminati
C disenangi
D diingini

7. Masalah disiplin murid seharusnya dilaporkan _____ pihak jawatankuasa disiplin sekolah.
A ke
B pada
C dengan
D kepada

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Soalan 8 hingga Soalan 14

Ayat-ayat dibawah mungkin **betul** dan **mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, **kesalahan itu telah ditanda** dengan **A**, **B** dan **C**. Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan** dalam ayat berkenaan.

8. Alat penghawa dingin itu perlu diselenggara secara berkala dari semasa ke semasa
A **B** **C**
oleh juruteknik yang bertugas. Tiada kesalahan.
D

9. "Beta menjunjung kasih kepada rakyat jelata yang mendoakan kesejahteraan beta,"
A **B**
kata Sultan Mansur. Tiada kesalahan.
C **D**

10. Senarai nama-nama pelajar yang akan menyertai lawatan ke Kuala Lumpur akan
A **B**
ditampal pada papan kenyataan. Tiada kesalahan.
C **D**

11. Baik Pak Cik Ramlan dan Pak Cik Sharif, kedua-duanya tidak dapat mengangkat guni
A **B** **C**
yang berat itu. Tiada kesalahan.
D

12. Lebuh raya yang menghubungi bandar Kulim dengan Butterworth telah
A **B**
memendekkan jarak antara kedua-dua buah bandar tersebut. Tiada kesalahan.
C **D**

13. Perdana Menteri telah diberi sambutan yang meriah setibanya beliau dan rombongan
A **B**
ke lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Tiada kesalahan.
C **C**

14. Kami bergotong-royong untuk menghiaskan kelas kami dengan gambar-gambar
A
pemandangan yang cantik lagi menarik. Tiada kesalahan.
B **C** **D**

Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul** dan tentukan bahawa anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.**

15.
I Bilik itu agak sesak untuk menampung kami yang seramai lima orang.
II Orang tua itu segera dibawa ke hospital kerana sesak nafas.
III Kehidupannya menjadi sesak akibat dibuang kerja baru-baru ini.
IV Para penonton sesak untuk masuk ke stadium itu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

16. I Saya bena*r* kecewa dengan sikap rakan saya yang tidak menghormati rakan itu.
II Kanak-kanak perlu dilatih bercakap benar semenjak kecil lagi.
III Ramai benar orang berkelah di tepi pantai pada hari kelepasan.
IV Kalau benar Kamarul yang mengambil buku itu, tentu dikembalikannya kepada s saya.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

17. I Setiap orang yang mempunyai pandangan hidup sendiri.
II Pandangan di tepi pantai itu sangat indah terutamanya pada waktu senja.
III Pandangan saya tertumpu kepada budak-budak yang bermain di padang itu.
IV Kedua-dua orang sahabat itu pandangan sambil tersenyum ketika bertemu.

A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II dan IV sahaja

Soalan 18 hingga Soalan 21

Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digariskan. Bahagian yang **bergaris** itu **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris **salah** dan perlu diubah, anda **hendaklah menandakan A**, **B** atau **C** sebagai pilihan jawapan anda. Jika **tiada kesalahan** tandakan **D**.

18. Pelajar-pelajar akan <u>mempelajari tentang kaedah penulisan</u> cerpen melalui kursus itu.

A pelajari akan kaedah penulisan
B belajar kaedah penulisan
C mempelajari kaedah penulisan
D mempelajari tentang kaedah penulisan

19. Gubahan bunga itu dibuat <u>dari berbagai jenis bunga-bunga</u> yang harum baunya.

A daripada pelbagai jenis bunga
B daripada berbagai jenis bunga
C dari pelbagai jenis bunga
D dari berbagai jenis bunga-bunga

20. Cerpen yang memenangi hadiah pertama itu <u>beliau karang berdasarkan</u> pengalamannya.

A beliau karang berdasarkan pada
B dikarang oleh beliau berdasarkan pada
C dikarang oleh beliau berdasarkan
D beliau karang berdasarkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

21. Tiap orang yang mengunjungi ke kedai itu mendapat hadiah istimewa.

A Setiap orang yang mengunjungi
B Setiap orang yang berkunjung
C Tiap orang yang berkunjung
D Tiap orang yang mengunjungi

Soalan 22 hingga Soalan 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal.**

22. Kerajaan perlu berusaha untuk meningkatkan kemudahan asas di kawasan luar bandar.

A Usaha harus ditingkatkan oleh kerajaan untuk menyediakan kemudahan asas di luar bandar.
B Kelengkapan prasarana di kawasan pendalaman wajar diperhebat oleh kerajaan.
C Penyediaan kemudahan asas di luar bandar hendaklah diusahakan oleh kerajaan.
D Peningkatan kemudahan asas akan diusahakan oleh kerajaan di kawasan desa.

23. Ketiadaan minat membaca dalam kalangan pelajar disebabkan oleh kekurangan bahan bacaan di perpustakaan.

A Minat membaca dalam kalangan pelajar merosot kerana bahan bacaan di perpustakaan semakin berkurangan.
B Jumlah buku yang sedikit di perpustakaan merupakan salah satu faktor pelajar-pelajar tidak minat membaca.
C Kekurangan bahan bacaan di perpustakaan disebabkan oleh kurangnya minat membaca dalam kalangan pelajar.
D Perpustakaan yang tidak dilengkapi bahan bacaan memyebabakan para pelajar tidak berminat untuk membaca.

24. "Saya akan pergi ke rumahnya bersama-sama dengan awak," kata Zaleha kepada saya.

A Zaleha memberitahu saya bahawa dia akan pergi ke rumahnya bersama-sama dengan awak.
B Zaleha berkata kepada saya bahawa dia akan pergi ke rumah saya bersama-sama dengan awak.
C Zaleha berkata bahawa dia akan pergi ke rumahnya bersama-sama dengan saya.
D Zaleha berkata kepada mereka bahawa dia akan pergi ke rumah saya bersama-sama dengan mereka.

Soalan 25 hingga Soalan 27

Pilih ayat-ayat yang **betul** dan tentukan bahawa anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.**

25. I Abu menegaskan dia akan melanjutkan pelajaran di universiti tempatan.
II Mereka akan membincangkan lain-lain hal dalam mesyuarat itu.
III Buku yang kamu cari itu ada pada adik saya.
IV Baju itu belum berjahit lagi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

26.
I Antara barang keperluan untuk kursus termasuklah pakaian dan alat tulis.
II Negara-negara maju di dunia seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Britain.
III Berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk menyiapkan projek itu ?
IV Menteri Besar dan Ketua Menteri bermesyuarat di ibu negara pada hari ini.
A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

27.
I Sebahagian besar dari guru di daerah itu akan berkursus di Pulau Pangkor.
II Raja yang kami sanjungi bersemayam di istana yang indah itu.
III Ibu akan membelikan dua orang adik saya baju.
IV Akan kami hadiri majlis kenduri kesyukuran itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 dan Soalan 30
Pilih **jawapan yang paling sesuai** bagi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan peribahasa dibawah ini.

28. Penghulu itu selalu menjanjikan berbagai-bagai projek untuk dibangunkan di kampong itu. Namun demikian, dia tidak pernah berusaha untuk melaksanakannya.
Peribahasa yang paling sesuia dengan keadaan diatas ialah
A tanam tebu di tepi bibir.
B melepaskan batuk di tangga.
C harapkan pagar, pagar makan padi.
D kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya.

29. Peribahasa yang berikut berkaitan dengan masalah yang dihadapi akibat tindakan kita, **kecuali**.
A nasi sudah menjadi bubur.
B sudah jatuh ditimpa tangga.
C Sesat surut, terlangkah kembali.
D sediakan paying sebelum hujan.

30.

Biduk lalu kiambang bertaut

Maksud yang paling sesuai dengan peribahasa diatas ialah
A perselisihan faham antara adik-beradik tidak akan lama.
B orang mementingkan diri sendiri.
C persahabatan yang sangat erat.
D walau ke mana-mana kita pergi akhirnya akan kembali ke tempat asal.

Soalan 31 hingga Soalan 35

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Baca petikan dibawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Semua orang turun ke padang! Saya nak hantar buku dulu," kata Dahlan setelah permintaannya tidak dilayan. Dia tidak kuasa lagi menunggu. Dia yakin cikgu Zainab, guru Pendidikan Jasmani sudah menunggu di padang.

Dada Angamah berdebar-debar apabila dia terpandang Cikgu Bustam yang sedang memandang tepat kearahnya. Dia jadi tidak menentu dan serba salah.

"Barangkali cikgu marah," katanya pada diri sendiri. Dia tidak tahu apa yang harus dijawab kalau Cikgu Bustam memanggilnya nanti. Dia malu kepada rakan-rakan sekelasnya. Mengapa dia seorang sahaja yang tidak menghantar karangan? Bermacam-macam persoalan bermain di kepalanya.

"Cepatlah masa!" Dia berdoa agar Cikgu Bustam segera keluar kalau loceng rehat dibunyikan.

"Angamah! Boleh jumpa saya di bilik tamu nanti?" kata Cikgu Bustam sebelum melepaskan murid-muridnya yang lain keluar rehat.

Angamah mengangguk lemah. Dia tidak jadi keluar ke kantin. Dia merasakan seolah-olah semua orang memandang ke arahnya denga tanda tanya. Tentu dia seorang sahaja yang tidak menghantar buku karangan pada pagi itu.

"Angamah sakit?" Cikgu Bustam bertanya dengan suara yang lembut. Dia menggelengkan kepala.

(Dipetik daripada cerpen Sayang Ayah, karya Omar Mamat, Antologi Anak Bumi Tercinta, Tingkatan 3, DBP)

31. Angamah begitu takut akan Cikgu Bustam kerana
- **A.** Cikgu Bustam menegur sikapnya yang malas.
- **B**. hanya dia seorang yang tidak menghantar buku rekodnya.
- **C.** dia tidak dapat menjawab soalan yang diajukan kepadanya.
- **D**. Cikgu Bustam memandangnya dengan tajam.

32. Cikgu Bustam hendak berjumpa dengan Angamah di bilik tamu untuk
- **A** membantu Angamahmembuat latihan yang sukar.
- **B** bertanyakan masalah keluarga yang dihadapi oleh Angamah.
- **C** bertanyakan masalah kesihatan yang dihadapi oleh Angamah.
- **D** mengenal pasti punca masalah yang sedang dihadapi oleh Angamah.

33. Dimanakah peristiwa dalam petikan berlaku?
- **A** Bilik tamu
- **B** Bilik darjah
- **C** Kantin sekolah
- **D** padang sekolah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

34. Watak Cikgu Bustam dalam petikan ini digambarkan seperti yang berikut, kecuali
A guru yang penyayang.
B guru yang prihatin.
C guru yang garang.
D guru yang tegas.

35. Cerpen ini berakhir dengan peristiwa
A Cikgu Bustam membawa Angamah ke bilik guru besar.
B Cikgu Bustam menegur sikap Angamah yang tidak menghantar buku latihan.
C Angamah dipukul dengan teruk oleh ayahnya yang baru pulang dalam keadaan mabuk.
D Angamah ke hospital setelah mendapat tahu bahawa ayahnya terlibat dalam kemalangan.

Soalan 36 hingga Soalan 40
Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SYAIR MUNGKIR JANJI

Tuan berjanji berpegang tangan,
Mengaku bersama menyingsing lengan,
Tidak perduli tegak dan jangan,
Umpama sungai tiada berhalangan.

Tetapi akhirnya apalah sudah,
Beberapa lam tangan menadah,
Rupanya tuan meluahkan ludah,
Umpama biawak bercabang lidah.

Tidakkah ingat tuan berkata,
Mahu bersama hina dan leta,
Daripada hidup berputih mata,
Biarlah tulang tercampak ke kota.

Tidak ku sangka tuan tak ingat,
Umpama lebah membuang sengat,
Bila terasa api yang hangat,
Lekas benar tuan merengat.

Kalau begitu aku berpesan,
Riwayat kita hapuskan kesan,
Supay tidak berhati bosan,
Hilang segala resah dan resan.

(Dipetik daripada Antologi
Seuntai Kata Untuk Dirasa,
Tingkatan 2, DBP)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

36 Apakah yang dimaksudkan oleh penyair dalam rangkap kedua?

A penyair baru menyedari bahawa “tuan” suka menabur janji.
B Penyair menyedari bahawa harapannya musnah kerana “tuan” mengkhianati janji.
C Penyair sejak beberapa lama berharap agar janji ditunaikan oleh “tuan”.
D Penyair memang merupakan orang yang suka berjanji.

37

> Rupanya tuan meluahkan ludah

Mengapakah “tuan” berbuat demikian?

A “Tuan” tidak lagi suka akan penyair.
B “Tuan” mengalami gangguan kesihatan.
C “Tuan” lupa akan janjinya kepada penyair.
D `“Tuan” tidak sanggup menghadapi cabaran.

38 Perasaan penyair yang tergambar dalam keseluruhan syair ialah

A resah.
B sedih.
C bosan.
D kecewa.

39

> Biarlah tulang tercampak ke kota

Gaya bahasa baris syair di atas ialah

A personifikasi
B hiperbola.
C metafora.
D simile

40 Berdasarkan petikan syair di atas, apakah sikap penyair yang wajar diteladani?

A Terus terang
B Ambil berat
C Tolak ansur
D baik hati

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

No. Rujukan

Tatabahasa Bahasa Melayu

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
Jawab semua soalan.

Tiap-tiap soalan mengandungi empat pilihan jawapan iaitu A,B,C, dan D. Pilih satu jawapan sahaja bagi setiap soalan. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN